Kami mungkin mengumpul data peribadi anda yang anda berikan secara sukarela bagi tujuan **Energy Asia (EA) 2025**, selaras dengan Pernyataan Privasi iCEP yang merangkumi mana-mana dan segala pindaan, semakan dan kemas kini seterusnya (“**Pernyataan Privasi**”), yang disediakan sebagai **Lampiran 1** dalam Notis Privasi ini.

Notis Privasi iCEP ini (“**Notis Privasi**”) yang perlu dibaca bersama-sama dengan Pernyataan Privasi, menerangkan apa data peribadi yang kami kumpulkan tentang anda, bila dan mengapa kami mengumpulkannya, bagaimana kami gunakannya, keadaan-keadaan tertentu di mana data tersebut mungkin didedahkan kami kepada pihak lain, hak-hak anda terhadap data peribadi tersebut, dan bagaimana kami melindunginya.

Notis Privasi ini merangkumi kedua-dua aktiviti pengumpulan data kami secara dalam talian dan luar talian, termasuk data peribadi yang kami kumpulkan melalui platform dalam talian seperti laman sesawang, aplikasi, acara digital dan platform persidangan, rangkaian sosial pihak ketiga atau acara dalam talian dan fizikal kami, serta melalui pihak ketiga lain yang bekerjasama dengan kami.

Sila baca Notis Privasi ini dengan teliti bagi memahami pandangan dan amalan kami berkaitan data peribadi anda.

### Siapa Kami

iCEP ialah rakan penyelesaian inovatif yang menyediakan servis pengurusan acara yang menyeluruh kepada para pelanggan yang berdaftar di Malaysia. Alamat pendaftaran iCEP ialah Etiqa Twins, Tingkat 27, Menara 1, No. 11, Jalan Pinang, 50450, Kuala Lumpur, Malaysia.

### Pengumpulan dan Penggunaan Maklumat

Sekiranya anda merupakan pekerja atau berkhidmat dengan iCEP, kami hendaklah menyediakan satu pernyataan berasingan untuk memaklumkan kepada anda bagaimana data peribadi anda digunakan.

Data peribadi anda mungkin dikumpul secara langsung daripada anda atau daripada sumber-sumber lain seperti laman sesawang kami, platform dalam talian, inisiatif digital, acara dan persidangan, majikan anda, atau semasa pendaftaran dan penyertaan dalam mana-mana acara dan/atau persidangan kami, pelanggan, rakan kongsi, penyedia perkhidmatan serta sumber yang dikenalpasti seperti penyedia perkhidmatan kepada iCEP, pihak berkaitan mereka dan wakil-wakil, maklumat rangkaian sosial majikan anda, rekod yang tersedia secara umum atau mana-mana pihak ketiga yang bekerjasama dengan kami.

Jika anda merupakan pembekal sedia ada kami, atau wakil kepada pelanggan sedia ada kami, butiran lanjut tentang bagaimana kami menggunakan data peribadi anda dinyatakan dalam kontrak anda/majikan anda dengan kami. Kami mungkin memberikan notis tambahan kepada anda semasa pengumpulan data peribadi anda, yang akan menjelaskan maklumat lanjut berkaitan penggunaan data peribadi tersebut, dan jika berkenaan, memberikan pilihan kepada anda untuk menerima atau menolak penggunaan tertentu.

### A. Jenis Data Peribadi yang Dikumpul dan Cara Ia Dikumpulkan

Kami akan mengumpul dan memproses sebahagian atau semua data peribadi berikut.

- (i) Data peribadi yang anda berikan kepada kami, seperti ketika menggunakan borang hubungan atau pendaftaran kami, atau apabila anda berinteraksi dengan kami dalam apa-apa bentuk sekalipun.

Kami mungkin mengumpul data peribadi semasa dan lampau anda termasuk nama anda (beserta sebarang awalan atau gelaran), maklumat perhubungan (seperti alamat, alamat e-mel, nombor telefon, kewarganegaraan, nombor pengenalan seperti nombor passport), organisasi, kepentingan perniagaan, pekerjaan, jawatan yang disandang, pengecam media sosial, gambar, imej, rakaman video, rakaman suara, maklumat kewangan (seperti alamat pengebilan, akaun bank dan maklumat pembayaran), serta maklumat pertanyaan atau aduan dan maklumat lain bergantung pada sifat hubungan perniagaan atau sebarang urusan anda dengan iCEP.

- (ii) Pelawat ke mana-mana acara kami

Apabila anda menghadiri acara kami, kami mungkin mengumpul dan memproses data peribadi anda berkaitan dengan lawatan anda. Data peribadi tersebut termasuk maklumat perhubungan (seperti nama, alamat, alamat e-mel dan nombor telefon), maklumat pengenalan diri (seperti nombor pengenalan kebangsaan, nombor passport atau maklumat lesen memandu), maklumat perniagaan seperti organisasi, tujuan lawatan, tarikh dan masa lawatan, pengecaman biometrik dan wajah, serta had akses.

Tambahan pula, imej anda mungkin ditangkap melalui gambar atau video yang diambil oleh kami atau wakil kami semasa anda menghadiri mana-mana acara kami.

Semasa berlaku krisis kesihatan atau wabak penyakit, kami mungkin mengumpul Data Kategori Khas berkaitan kesihatan dan keadaan fizikal anda, keadaan kesihatan individu dalam isi rumah anda, keputusan penilaian kesihatan anda, maklumat berkaitan kuarantin dan kemasukan ke hospital serta maklumat lain yang diperlukan atau disarankan untuk dipegang bagi tujuan kawalan atau pengurusan krisis kesihatan atau wabak penyakit tersebut.

### B. Tujuan Pengumpulan Data Peribadi

Kami mungkin menggunakan data peribadi yang kami perolehi untuk mana-mana tujuan berikut;

- (i) Untuk melaksanakan, menyusun, menganjurkan dan mengemaskini maklumat peserta/pengunjung Persidangan

Untuk berkomunikasi dengan sewajarnya dan memberikan maklumat terkini kepada peserta/pengunjung Persidangan termasuk memudahkan dan menyelaras penyertaan anda dalam Persidangan. Data peribadi akan digunakan (antaranya) bagi tujuan berikut: -

- a. Pendaftaran peserta/pengunjung bagi Persidangan; dan
- b. Jemputan kepada peserta/pengunjung untuk menghadiri mesyuarat perniagaan, majlis resepsi dan sebarang aktiviti rasmi lain sepanjang Acara tersebut; dan

#### **Nota:**

- Item a - Kami hendaklah memproses data peribadi anda bagi tujuan yang dinyatakan
- Item b - Kami mungkin menggunakan data peribadi anda bagi tujuan yang disebut di atas untuk acara-acara kami yang akan datang setelah mendapat persetujuan yang sewajarnya daripada peserta/pengunjung.

- (ii) Untuk menjalankan penilaian wajar (due diligence) atau semakan 'Kenali Rakan Niaga Anda' (Know Your Counterparty)

Untuk menjalankan penilaian wajar sebelum memulakan sebarang hubungan dengan kami (termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan pembayaran), selaras dengan kewajipan undang-undang dan peraturan atau prosedur pengurusan risiko yang diperlukan oleh undang-undang atau yang telah kami tetapkan. Borang Pengisytiharan Kendiri "Kenali Rakan Niaga Anda" kami dilampirkan bersama sebagai **Lampiran 2** dalam Notis Privasi ini.

- (iii) Untuk memantau aktiviti tertentu

Untuk memantau pertanyaan dan transaksi bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur serta untuk membanteras penipuan dan memproses sebarang pembayaran berkaitan urus niaga komersial anda dengan kami.

- (iv) Berkaitan dengan obligasi undang-undang atau penguatkuasaan

Kami mungkin memproses data peribadi anda bagi mematuhi keperluan penguatkuasaan atau untuk menjalankan dialog dengan penguat kuasa yang berkenaan, yang mungkin termasuk pendedahan data peribadi anda kepada pihak ketiga, pihak mahkamah dan/atau agensi penguatkuasaan undang-undang berkaitan siasatan, prosiding atau penyiasatan oleh pihak-pihak tersebut di mana-mana bahagian dunia atau apabila dikehendaki berbuat demikian. Jika dibenarkan, kami secara umumnya akan mengarahkan sebarang permintaan sedemikian kepada anda atau memaklumkan kepada anda sebelum memberi maklum balas, melainkan apabila berbuat demikian akan menjejaskan proses pencegahan atau pengesanan jenayah.

- (v) Keadaan-keadaan lain

Dalam keadaan lain, bagi tujuan-tujuan yang diperlukan atau berkaitan dengan hubungan anda dengan kami secara langsung atau jika ia dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai.

Apabila kami mengumpul data peribadi daripada anda, kami hanya akan berbuat demikian untuk memenuhi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas. Kegagalan untuk memberikan data peribadi anda boleh menyebabkan kami tidak dapat menyediakan produk dan/atau perkhidmatan kami secara berkesan atau melaksanakan mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas, sama sekali.

### C. Pemprosesan Data Peribadi Anda, dan Mendapatkan Persetujuan Anda

Apabila kami bergantung kepada persetujuan anda untuk memproses data peribadi anda, anda boleh menarik balik persetujuan lampau anda pada bila-bila masa dengan menghubungi kami menggunakan butiran perhubungan yang dinyatakan di bawah. Namun begitu, sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan lampau anda tidak akan menjejaskan keesahan pemprosesan yang dilakukan berdasarkan persetujuan lampau anda (sebelum penarikan itu).

Mungkin terdapat keadaan di mana kami memproses data peribadi anda berdasarkan kepentingan yang sah atau alasan lain yang dibenarkan oleh undang-undang (contohnya, disebabkan kami telah mewujudkan hubungan dengan anda dan memerlukan untuk memproses data peribadi anda untuk menyediakan maklumat yang anda minta), tanpa mendapatkan persetujuan anda — ini terpakai apabila aktiviti pemprosesan kami ditadbir oleh undang-undang berkaitan membabitkan bidang kuasa tertentu di mana kami beroperasi dan undang-undang tersebut tidak mewajibkan kami mendapatkan persetujuan sekiranya wujud alasan yang sah dan/atau apa-apa alasan lain yang sah dari segi undang-undang untuk memproses data peribadi berkenaan.

Kami tidak akan memohon persetujuan anda dalam keadaan sedemikian, sebahagian besarnya kerana kami boleh menyediakan perkhidmatan kepada anda secara cekap (atau dalam sesetengah kes, kerana kami **mesti** memproses data peribadi seperti dalam hal pengesanan penipuan). Sebelum memproses data peribadi anda, kami akan mempertimbangkan hak dan kebebasan anda dan hanya akan meneruskan pemrosesan sekiranya kami berpandangan bahawa hak anda tidak akan terjejas.

Pengumpulan data peribadi anda oleh kami boleh bersifat mandatori atau sukarela bergantung kepada tujuan data tersebut dikumpulkan. Apabila ianya adalah mandatori bagi anda menyediakan data peribadi anda dan anda gagal atau memilih untuk tidak memberikannya kepada kami, atau tidak bersetuju dengan yang dinyatakan di atas atau dalam Kenyataan Privasi ini, kami tidak akan dapat menjalankan sebarang urusan dengan anda.

(i) Mengapa kami meminta persetujuan anda

Kami komited untuk melindungi privasi semua data peribadi yang anda berikan kepada kami bagi tujuan Persidangan ini. Pernyataan berikut menerangkan apa yang kami lakukan dengan data anda dan berapa lama ia akan disimpan, supaya anda dimaklumkan sepenuhnya sebelum menyerahkan maklumat peribadi anda bagi tujuan Persidangan ini.

(ii) Maklumat Perhubungan Pengawal Data

International Conference & Exhibition Professionals ("iCEP") [energyasia@icep.com.my](mailto:energyasia@icep.com.my)

(iii) Mengapa kami memproses data peribadi anda?

Kami meminta data peribadi anda untuk memudahkan pendaftaran dan penyertaan anda bagi Persidangan ini. Data anda mungkin dikongsi dengan organisasi lain dan pihak ketiga bagi tujuan memproses pendaftaran anda.

(iv) Berapa lama kami akan menyimpan data peribadi anda?

Kami akan menyimpan data peribadi anda tidak lebih daripada tempoh yang diperlukan bagi tujuan data tersebut dikumpul atau diberikan kepada kami (melainkan terdapat keperluan undang-undang atau insurans yang mengkehendaki kami menyimpannya untuk tempoh yang lebih panjang seperti keperluan operasi, undang-undang, penguat kuasa, cukai atau perakaunan).

Kami mungkin menggunakan data peribadi yang kami perolehi bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini..

#### D. Perkongsian Maklumat

Kami mungkin berkongsi data peribadi yang anda berikan kepada kami kepada entiti lain dalam iCEP bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini. Entiti gabungan tersebut mungkin terletak dalam bidang kuasa yang tidak menyediakan tahap perlindungan yang setara dengan undang-undang negara asal anda. Apabila pemindahan data tersebut berlaku, iCEP akan melindungi data peribadi secara munasabah dan menangani keperluan privasi data mengikut undang-undang yang terpakai.

Maklumat juga mungkin dikongsi dengan penyedia perkhidmatan kami atau pihak ketiga sebagai pemproses data, dan dalam setiap kes hanya sejauh mana yang diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini. Pihak ketiga tersebut yang kami percaya secara munasabah perlu mempunyai akses kepada maklumat anda bagi menyediakan anda maklumat atau perkhidmatan yang anda minta daripada kami termasuklah:

- i) Subkontraktor yang kami luluskan, pemilik acara, rakan niaga, pembekal, penaja, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, rakan kongsi pengetahuan atau organisasi pihak ketiga lain yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, IT atau perkhidmatan lain kepada **iCEP**;
- ii) Pihak ketiga berkaitan pemindahan keseluruhan atau sebahagian perniagaan atau aset kami;
- iii) Juruaudit, perunding, peguam, akauntan atau penasihat kewangan atau penasihat profesional lain yang berkaitan dengan perniagaan kami atau dilantik secara sulit untuk menyediakan perkhidmatan kepada kami
- iv) Mana-mana pihak berkaitan prosiding undang-undang atau prosiding undang-undang yang berpotensi; atau
- v) Agensi kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, mahkamah, tribunal, badan kawal selia/profesional, pengawal selia industri, kementerian, dan/atau agensi atau badan berkanun, pejabat atau majlis perbandaran dalam mana-mana bidang kuasa, jika dikehendaki atau dibenarkan berbuat demikian bagi mematuhi mana-mana undang-undang terpakai, peraturan, perintah atau penghakiman mahkamah atau tribunal, atau pertanyaan daripada pihak berkuasa berkaitan.

Kami tidak akan menggunakan, berkongsi, menyebarkan, menerbit atau mendedahkan data peribadi anda kecuali jika diperlukan sebagai respons kepada prosiding mahkamah, siasatan atau pendedahan yang dikehendaki oleh undang-undang, atau untuk melindungi hak, harta atau keselamatan kami, pelanggan kami, atau pihak lain.

## E. Di Mana Kami Menyimpan Data Peribadi Anda

Segala maklumat yang anda berikan kepada kami disimpan secara selamat sama ada secara fizikal, di pelayan selamat kami, atau di pelayan milik penyedia perkhidmatan IT pihak ketiga. Kami mengekalkan perlindungan pentadbiran, teknikal, fizikal dan perundangan yang sesuai bagi melindungi daripada kehilangan, penyalahgunaan atau capaian tanpa kebenaran, pendedahan, pengubahan atau kemusnahan data peribadi yang anda berikan kepada kami, selaras dengan undang-undang yang terpakai.

Kami mungkin memindahkan data peribadi anda atau menyimpankannya di destinasi di luar bidang kuasa entiti yang anda berikan data tersebut. Ini kerana iCEP ialah sebuah perniagaan global dengan operasi di pelbagai bidang kuasa dan menggunakan penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang berpangkalan di pelbagai lokasi seluruh dunia.

Sekiranya kami perlu memindahkan data peribadi anda ke negara ketiga, kami akan menggunakan perlindungan yang diluluskan dan sesuai mengikut undang-undang yang terpakai.

## F. Hak Anda Terhadap Data Peribadi Anda

Sila ambil perhatian bahawa anda mempunyai hak-hak berikut:

- i) Akses. Anda boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk meminta akses kepada data peribadi yang kami simpan mengenai anda. Kami akan mengesahkan sama ada kami memproses data peribadi anda, memberikan butiran mengenai kategori data berkenaan dan sebab kami memprosesnya. Kami juga boleh memberikan salinan data peribadi kepada anda atas permintaan, namun begitu, kami perlu mempertimbangkan hak individu lain yang mungkin terlibat dalam rekod tersebut apabila melakukan perkara tersebut.



- ii) Pembetulan. Anda boleh meminta kami membetulkan atau melengkapkan data peribadi anda dengan menghubungi kami pada bila-bila masa. Seboleh mungkin, kami akan memaklumkan kepada mana-mana pihak yang telah menerima data anda tentang sebarang pembetulan yang dilakukan.
- iii) Had Pemprosesan. Dalam keadaan tertentu, anda boleh meminta agar kami mengehendkan cara kami memproses data peribadi anda (iaitu meminta kami untuk terus menyimpan data tersebut tetapi tidak memprosesnya tanpa kebenaran anda).
- iv) Pemadaman. Anda boleh meminta supaya maklumat dalam akaun anda dipadam atau dibuang dalam keadaan tertentu. Kami akan berusaha untuk berbuat demikian dengan segera dan akan memaklumkan kepada mana-mana pihak yang menerima data anda tentang permintaan anda, setakat yang munasabah. Namun begitu, kami masih perlu menyimpan maklumat transaksi tertentu seperti pembelian lepas dan maklumat lain yang serupa untuk tujuan pematuhan undang-undang atau cukai, untuk memenuhi tuntutan insuran atau dalam kes dakwaan undang-undang, maka, kami mungkin tidak dapat memadam data anda sepenuhnya dalam keadaan tersebut.
- v) Menerima/Memindahkan Data Peribadi Anda. Dalam keadaan tertentu (jika kami memproses data anda berdasarkan kebenaran atau kontrak dengan anda, dan pemprosesan dilakukan secara automatik), anda boleh meminta kami menghantar data peribadi anda dalam format elektronik yang terstruktur dan mesra pengguna, atau meminta kami menghantar data tersebut kepada entiti lain.
- vi) Membantah. Apabila kami memproses data peribadi anda tanpa kebenaran anda untuk tujuan kepentingan kami yang sah, anda boleh membantah pemprosesan data peribadi anda tersebut. Jika kami menggunakan data peribadi anda untuk menghubungi anda bagi tujuan pemasaran, anda berhak membantah pemprosesan tersebut pada bila-bila masa.
- vii) Keputusan automatik. Anda berhak untuk dimaklumkan sekiranya terdapat sebarang keputusan yang dibuat secara automatik, termasuk pemprofilan, yang melibatkan data peribadi anda dan kami akan memberikan maklumat tentang logik yang kami gunakan serta kepentingan dan akibat daripada pemprosesan tersebut.
- viii) Pemindahan. Anda berhak untuk meminta agar data peribadi anda dipindahkan kepada pengawal data lain di bawah iCEP melalui notifikasi bertulis, tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian dengan format data kami.
- ix) Aduan. Anda berhak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa penyelia perlindungan data yang berkaitan di negara tempat anda berada atau di mana-mana lokasi yang anda percaya berlaku pelanggaran terhadap data peribadi anda. Kami menggalakkan anda untuk menghubungi kami terlebih dahulu sebelum mengemukakan aduan kepada pihak berkuasa yang berkaitan agar kami boleh cuba menyelesaikan kebimbangan anda.

## **G. Keselamatan**

Kami telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan bagi membantu melindungi daripada kehilangan, penyalahgunaan dan pengubahan maklumat yang berada di bawah kawalan kami. Walaupun kami tidak dapat menjamin bahawa kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahan data tidak akan berlaku, kami memastikan bahawa sistem kami mematuhi piawaian keselamatan pasaran bagi membantu mencegah kejadian sedemikian..

## **H. Maklumat Perhubungan**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, komen atau permintaan berkaitan dengan Notis Privasi ini atau data peribadi anda, atau jika anda ingin menghubungi pegawai perlindungan data bagi mana-mana syarikat di bawah kumpulan kami, anda boleh menghubungi kami di [energyasia@icep.com.my](mailto:energyasia@icep.com.my)

## LAMPIRAN 1

## PENYATAAN PRIVASI iCEP

International Conference and Exhibition Professionals (iCEP) (“iCEP” atau “Kami”) adalah bertanggungjawab untuk melindungi dan menghormati privasi anda.

Penyataan Privasi ini (“**Penyataan Privasi**”) menerangkan tentang bentuk data peribadi yang akan kami kumpul daripada individu yang melawat laman web kami (“**Laman Web**”), bila dan mengapa kami mengumpulkan data peribadi tersebut, bagaimana kami menggunakan data peribadi tersebut, syarat-syarat di mana kami dibolehkan untuk mendedahkan data peribadi tersebut kepada pihak lain, dan bagaimana kami memastikan data peribadi tersebut sentiasa dilindungi dan selamat. Sila baca Pernyataan Privasi ini dengan teliti untuk memahami pandangan dan amalan kami berkaitan data peribadi anda dan cara kami menguruskan data peribadi tersebut.

**Siapakah iCEP**

iCEP adalah sebuah organisasi yang menawarkan servis pengurusan acara di Malaysia dengan nombor syarikat 838926–U. Alamat syarikat kami terletak di Etiqa Twins, Aras 27, Menara 1, No. 11, Jalan Pinang, Kuala Lumpur City Centre, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Pengumpulan dan Penggunaan Maklumat**

Kami boleh mengumpul maklumat mengenai anda apabila anda berinteraksi secara aktif dengan Laman Web kami, contohnya apabila anda menghubungi kami untuk mendapatkan maklumat lanjut, mendaftar untuk makluman jawatan kosong, atau menyertai mana-mana inisiatif dalam talian atau digital kami.

Kami juga boleh mengumpul data peribadi yang anda berikan secara sukarela melalui Laman Web kami seperti nama anda, maklumat untuk berhubung dengan anda seperti alamat kediaman, alamat e-mel, nombor telefon, maklumat yang dikumpulkan secara automatik seperti maklumat log masuk anda, jenis pelayar, sistem pengendalian, maklumat URL, serta maklumat-maklumat lain, bergantung kepada tujuan lawatan anda ke Laman Web kami.

Kami boleh menggunakan data peribadi yang diperoleh daripada anda bagi tujuan berikut:

- Bagi maklumat peribadi dan maklumat hubungan yang anda berikan, untuk mengenal pasti anda dan memperibadikan sebarang komunikasi bersama anda;
- Bagi maklumat yang dikumpulkan secara automatik, untuk memastikan kandungan disampaikan dengan cara yang paling berkesan kepada anda dan peranti anda, bagi membolehkan anda mengambil bahagian dalam ciri-ciri interaktif Laman Web kami, dan apabila anda memilih untuk berbuat demikian, serta menjadi sebahagian daripada usaha kami untuk memastikan keselamatan dan integriti Laman Web kami;
- Untuk mendapatkan maklumat mengenai perkara yang menjadi keutamaan anda, pergerakan anda dalam talian serta penggunaan Laman Web kami oleh anda;
- Untuk menjalankan penyelidikan dan analisis statistik bagi membantu penambahbaikan kandungan, produk dan perkhidmatan kami serta bagi membantu kami memahami keperluan dan minat anda dengan lebih baik;

- Untuk menyasarkan kempen pemasaran dan pengiklanan kami dan juga rakan kongsi kami dengan lebih berkesan melalui penyampaian iklan berdasarkan minat yang diperibadikan mengikut minat anda, serta menjadikan pengalaman dalam talian anda lebih efisien dan menyeronokkan;
- Bergantung kepada tahap persetujuan yang diberikan oleh anda, untuk memproses, memudahkan, mentadbir dan menyediakan produk serta perkhidmatan kami kepada anda, mengurus serta mengekalkan hubungan anda dengan kami, urus niaga dan interaksi komersial anda bersama kami, menghantar bahan promosi berkaitan produk dan perkhidmatan kami, atau mempromosikan produk dan perkhidmatan rakan kongsi atau pihak ketiga yang berkemungkinan boleh menarik minat anda;
- Dalam keadaan lain, bagi apa-apa tujuan yang perlu atau berkaitan secara langsung dengan hubungan anda bersama kami atau yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai.

Apabila kami mengumpul data peribadi anda melalui Laman Web kami, pengumpulan tersebut hanya akan dilakukan sekiranya perlu bagi memenuhi mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas.

### **Pemprosesan Data Peribadi Anda dan Mendapatkan Persetujuan Anda**

Di mana kami bergantung kepada persetujuan anda bagi tujuan memproses data peribadi anda, anda berhak untuk menarik balik persetujuan tersebut pada bila-bila masa dengan menghubungi kami melalui maklumat perhubungan yang dinyatakan di bawah. Walau bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa penarikan balik persetujuan tidak akan menjejaskan pemprosesan yang telah dilakukan secara sah dari segi undang-undang berdasarkan persetujuan anda sebelum penarikan balik tersebut.

Terdapat keadaan tertentu di mana kami memproses data peribadi anda atas dasar kepentingan yang sah atau atas alasan munasabah yang lain (yakni, kerana kami telah menjalin hubungan dengan anda dan perlu memproses data peribadi anda bagi tujuan memberikan maklumat dan/atau perkhidmatan yang anda minta), tanpa memperoleh persetujuan terlebih dahulu – ini adalah terpakai dalam situasi di mana aktiviti pemprosesan kami tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa di bidang kuasa tertentu yang mana operasi kami tersebut tidak mensyaratkan untuk persetujuan diperolehi sekiranya terdapat kepentingan yang sah dan/atau alasan munasabah yang lain untuk memproses data peribadi berkenaan.

Kami tidak mendapatkan persetujuan anda dalam kes-kes sedemikian, terutamanya untuk membolehkan kami menyediakan perkhidmatan dengan cara yang cekap (atau dalam keadaan tertentu, adalah mustahil untuk mendapatkan persetujuan anda terlebih dahulu kerana kami perlu memproses data peribadi tersebut, contohnya bagi tujuan pengesanan penipuan). Sebelum memproses data peribadi anda, kami akan mempertimbangkan hak dan kebebasan anda dan hanya akan memulakan pemprosesan sekiranya kami berpendapat hak anda tidak akan terjejas.

### **Penyimpanan Maklumat Anda**

Segala maklumat yang anda berikan kepada kami akan disimpan di pelayan selamat kami. Kami mengekalkan langkah-langkah perlindungan pentadbiran, teknikal, fizikal dan perundangan yang sewajarnya bagi melindungi data peribadi yang anda berikan kepada kami daripada kehilangan, penyalahgunaan atau capaian, pendedahan, pengubahsuaian atau pemusnahan tanpa kebenaran, selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa.

Sekiranya kami memberikan anda (atau anda memilih sendiri) kata laluan yang membolehkan anda mengakses bahagian tertentu laman sesawang kami, anda bertanggungjawab untuk memastikan kata laluan tersebut adalah rahsia. Kami menasihatkan agar anda tidak berkongsi kata laluan tersebut dengan sesiapa.

### Tempoh masa untuk kami menyimpan data peribadi anda

Kami hanya akan menyimpan data peribadi anda selama mana yang kami perlukan setakat untuk memenuhi tujuan yang mana data peribadi tersebut dikumpulkan dan diberikan kepada kami (melainkan jika terdapat sebarang kewajipan undang-undang yang memerlukan kami untuk menyimpan data peribadi tersebut untuk tempoh yang lebih lama).

### Pemindahan Maklumat Anda

Kami menghadkan akses kepada data peribadi yang kami kumpul berkaitan anda kepada pekerja-pekerja kami dan ejen-ejen pihak ketiga (yang mana telah mendapat persetujuan anda) yang kami percaya secara munasabah mereka perlu untuk akses maklumat anda bagi membolehkan mereka membekalkan anda dengan maklumat atau perkhidmatan yang anda minta daripada pihak kami. Pihak ketiga tersebut mungkin termasuk:

- Subkontraktor, rakan perniagaan, pembekal atau organisasi pihak ketiga lain yang diluluskan yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, teknologi maklumat atau perkhidmatan lain kepada iCEP;
- Penyedia analitik dan enjin carian yang membantu kami dalam menambah baik dan mengoptimumkan laman web kami;
- Pengiklan dan rangkaian pengiklanan yang memerlukan data tersebut bagi tujuan pemilihan dan penyampaian iklan yang relevan kepada anda dan pihak lain; atau
- Pihak ketiga yang berkaitan dengan pemindahan keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan atau aset kami.

Kami juga akan mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga sekiranya kami diwajibkan untuk berbuat sedemikian bagi mematuhi mana-mana kewajipan undang-undang, atau bagi melindungi hak, harta atau keselamatan iCEP, pelanggan kami atau pihak lain.

Sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda melalui Laman Web ini, dalam sesetengah keadaan, maklumat yang anda berikan kepada kami mungkin akan dipindahkan ke negara-negara yang berada di luar Kawasan Ekonomi Eropah (“EEA”). Undang-undang perlindungan data di negara-negara tersebut mungkin tidak menyediakan tahap perlindungan yang setara dengan undang-undang perlindungan data Eropah. Walau bagaimanapun, apabila kami memindahkan maklumat anda ke luar EEA, kami akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa langkah keselamatan yang mencukupi dilaksanakan dengan tujuan untuk memastikan hak privasi anda terus dilindungi sebagaimana yang dinyatakan dalam Pernyataan Privasi ini. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai langkah-langkah keselamatan tersebut dengan menghubungi kami melalui butiran yang dinyatakan di bawah.

Sekiranya kami memindahkan data peribadi anda, ia akan dilakukan di bawah syarat kerahsiaan yang ketat dan tahap perlindungan keselamatan yang setara.

## Hak Anda Di Bawah Undang-Undang Kesatuan Eropah, Jika Berkenaan

Peraturan Perlindungan Data Umum (Peraturan EU 2016/679) (“**GDPR**”) telah diterima pakai di Kesatuan Eropah (“**EU**”) pada 27 April 2016 dan berkuat kuasa sepenuhnya mulai 25 Mei 2018.

Dari semasa ke semasa, kami (iCEP) mungkin menerima atau mengumpulkan jenis-jenis data peribadi seperti yang diuraikan dalam Pernyataan Privasi ini daripada individu yang berada di EU atau Kawasan Ekonomi Eropah (“**EEA**”) semasa mengakses Laman Web kami. Jika dan setakat mana GDPR terpakai ke atas pemprosesan data peribadi anda seperti yang diuraikan dalam Pernyataan Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa anda mungkin mempunyai hak-hak seperti berikut:

- **Akses.** Anda boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk meminta akses kepada data peribadi yang kami simpan tentang anda. Kami akan mengesahkan sama ada kami sedang memproses data peribadi anda, memberikan butiran tentang kategori data peribadi yang terlibat serta alasan pemprosesan kami. Kami juga boleh memberikan salinan data peribadi anda atas permintaan.
- **Pembetulan.** Jika maklumat yang kami simpan adalah tidak tepat, kami tidak akan menggunakannya dan tidak akan membenarkan pihak lain menggunakannya sehingga ia disahkan. Anda boleh meminta kami membetulkan atau melengkapkan data peribadi anda pada bila-bila masa. Setakat mana yang munasabah, kami juga akan memaklumkan mana-mana pihak yang telah menerima data peribadi anda tentang sebarang pembetulan yang dilakukan.
- **Sekatan.** Dalam keadaan tertentu, anda boleh meminta kami mengehaskan cara kami memproses data peribadi anda (contohnya, menyimpan data tersebut tetapi tidak memprosesnya tanpa kebenaran anda).
- **Penghapusan.** Anda boleh meminta supaya maklumat dalam akaun anda dipadam atau dihapuskan. Kami akan berusaha untuk melakukannya dengan segera dan, setakat mana yang munasabah, memaklumkan mana-mana pihak yang telah menerima data peribadi anda tentang permintaan anda. Namun begitu, kami mungkin perlu mengekalkan rekod transaksi tertentu seperti pembelian terdahulu bagi tujuan pematuhan undang-undang, maka kami mungkin tidak dapat memadamkan maklumat anda sepenuhnya dalam keadaan tertentu.
- **Penerimaan/Pemindahan data peribadi anda.** Anda juga boleh meminta kami menghantar data peribadi yang kami simpan tentang anda dalam format elektronik, berstruktur dan mesra pengguna, atau meminta kami memindahkan data tersebut kepada entiti lain. Sila ambil maklum bahawa jika anda memilih untuk meminta kami menghantar data peribadi anda kepada pihak lain, ia mungkin memberi kesan kepada keupayaan kami untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang telah anda minta.
- **Bantahan.** Jika kami memproses data peribadi anda tanpa kebenaran anda atas dasar kepentingan yang sah, anda boleh membantah pemprosesan data tersebut. Khususnya, jika kami menggunakan data anda untuk tujuan pemasaran, anda boleh membantah pada bila-bila masa.
- **Pembuatan keputusan secara automatik.** Anda berhak untuk dimaklumkan sekiranya terdapat sebarang keputusan yang dibuat secara automatik, termasuk pemprofilan, yang digunakan berhubung dengan data peribadi anda, dan kami akan memberikan maklumat tentang logik yang kami gunakan serta kepentingan dan akibat daripada pemprosesan tersebut.



- **Transmisi.** Anda berhak untuk meminta agar data peribadi anda dipindahkan kepada pengawal data lain di bawah iCEP melalui notis bertulis, tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian dengan format sistem kami.
- **Aduan.** Jika anda berada di dalam EEA dan percaya bahawa pemprosesan data peribadi anda melanggar undang-undang perlindungan data, anda berhak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa penyeliaan perlindungan data yang berkenaan di negara tempat anda menetap atau mana-mana lokasi dalam EEA di mana pelanggaran tersebut dipercayai berlaku. Senarai pihak berkuasa perlindungan data nasional EU boleh didapati di sini.

Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa sekiranya anda ingin mengemukakan aduan berkaitan pemprosesan data peribadi anda oleh kami.

## Keselamatan

Kami mengehadkan akses kepada data peribadi yang kami kumpul berkenaan anda kepada pekerja-pekerja kami dan ejen-ejen pihak ketiga, yang mana kami percaya adalah munasabah untuk mereka mempunyai akses kepada maklumat anda bagi membolehkan mereka menyediakan anda dengan maklumat atau perkhidmatan yang anda minta daripada pihak kami. Kami mempunyai langkah-langkah keselamatan yang munasabah bagi membantu data tersebut dilindungi daripada kehilangan, penyalahgunaan dan pengubahsuaian yang tidak dibenarkan ke atas maklumat di bawah kawalan kami. Walaupun kami tidak dapat menjamin bahawa kehilangan itu tidak akan berlaku, penyalahgunaan atau pengubahsuaian data tersebut tidak akan berlaku, kami tetap akan memastikan bahawa sistem kami mematuhi piawaian keselamatan pasaran bagi membantu melindungi daripada insiden sedemikian.

## Perubahan kepada Maklumat atau Keutamaan Anda

Kami berusaha untuk memastikan rekod kami sentiasa terkini dan tepat. Anda boleh menyemak, mengubah atau memadam maklumat yang telah diberikan kepada kami melalui Laman Web ini dengan menghubungi kami melalui butiran yang dinyatakan di bawah.

Bergantung pada lokasi anda dan sifat aktiviti pemprosesan data peribadi kami, undang-undang dalam bidang kuasa tertentu seperti Kesatuan Eropah (EU) mungkin terpakai dalam pemprosesan data peribadi anda oleh kami. Mengikut undang-undang yang terpakai, anda mempunyai hak untuk meminta supaya kami tidak memproses data peribadi anda bagi tujuan pemasaran.

Setakat yang dikehendaki oleh undang-undang tersebut, kami akan memaklumkan kepada anda (sebelum mengumpul data anda) sekiranya kami berhasrat untuk menggunakan data tersebut bagi tujuan sedemikian atau jika kami berhasrat untuk mendedahkan maklumat anda kepada mana-mana pihak ketiga bagi tujuan yang sama.

Anda boleh melaksanakan hak anda untuk menghalang pemprosesan tersebut dengan menandakan kotak tertentu pada borang yang kami gunakan untuk mengumpul data anda atau dengan menghubungi kami melalui butiran yang dinyatakan di bawah.

Sila ambil perhatian bahawa jika anda meminta kami memadam data anda, perkara ini mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk menyediakan perkhidmatan yang anda minta. Di samping itu, kami mungkin perlu menyimpan maklumat tertentu bagi tujuan pematuhan undang-undang dan oleh itu tidak dapat memadamkan sepenuhnya maklumat tersebut dalam keadaan tertentu.



iCEP menggunakan kuki (cookies) untuk merekod perkara yang menjadi keutamaan pelawat dan membantu kami mengenal pasti bahagian laman web kami yang paling kerap dilawati. Kuki juga berfungsi dengan memudahkan navigasi dan meningkatkan mesra pengguna laman web ini kepada pelawat. Dengan meneruskan lawatan anda di laman web ini, anda bersetuju dengan penggunaan kuki selaras dengan Polisi ini. Sekiranya anda tidak mengubah tetapan kuki selepas menggunakan laman web kami dalam suatu tempoh tertentu, kami akan menganggap bahawa anda telah memberikan keizinan untuk kami menghantar sebarang kuki yang kami anggap sesuai. Berikut ialah maklumat tambahan mengenai fail kuki untuk rujukan anda.

## **Dasar Kuki iCEP**

Kuki ialah fail kecil yang terdiri daripada huruf dan nombor yang dimuat turun ke dalam komputer anda apabila anda mengakses laman web tertentu. Seperti kunci pintu maya, kuki membolehkan memori komputer diakses dan membenarkan sesebuah laman web mengenali pengguna apabila mereka kembali ke laman tersebut dengan membuka akses kepada kandungan atau perkhidmatan yang lain. Kuki itu sendiri tidak mengandungi maklumat, namun apabila dibaca oleh pelayar web, ia boleh membantu laman web meningkatkan perkhidmatan yang diberikan. Bagi melindungi privasi anda, pelayar web anda hanya memberi akses kepada kuki yang telah dihantar oleh laman web kepada anda sebelum ini.

Kukiingati jenis pelayar web yang anda gunakan dan perisian tambahan pelayar yang telah anda pasang. Ia juga menyimpan keutamaan anda, seperti bahasa dan wilayah, yang mana akan kekal sebagai tetapan lalai apabila anda kembali melawat laman web tersebut. Kuki juga membolehkan anda menilai halaman dan mengisi borang komen.

## **Pemindahan Maklumat Anda**

Jenis kuki yang digunakan oleh iCEP adalah seperti berikut:

### **Kuki Sesi (Session Cookies)**

Kuki sesi ialah fail kuki sementara yang akan dipadamkan selepas anda menutup pelayar web anda. Laman web tidak akan mengenali anda apabila anda memulakan semula pelayar dan kembali ke laman yang sama. Kuki sesi menyimpan maklumat pelayaran anda dan hanya aktif ketika anda melayari laman web tersebut sehingga anda keluar dan menutup pelayar tersebut.

### **Kuki Kekal (Persistent Cookies)**

Kami menggunakan kuki kekal, yang juga dikenali sebagai kuki tersimpan, iaitu fail yang disimpan dalam cakera keras komputer anda apabila anda melawat laman ini. Kuki ini akan kekal di dalam cakera keras anda sehingga ia mencapai tarikh luput yang telah ditetapkan. Kuki ini boleh menunjukkan bagaimana anda pertama kali mengunjungi laman web ini dan oleh itu, ia kadangkala dirujuk sebagai "kuki pengesanan".

## **Menghentikan Kuki**

Anda boleh menghentikan penggunaan kuki jika anda mahu, lazimnya melalui perubahan tetapan pelayar internet anda. Ia juga mungkin boleh dikonfigurasi agar pelayar anda menerima kuki tertentu sahaja atau memaklumkan kepada anda setiap kali kuki baru ingin disimpan dalam komputer anda, supaya anda boleh membuat keputusan untuk menerima atau menolak kuki tersebut. Untuk menguruskan penggunaan kuki tersebut, terdapat pelbagai sumber bantuan tersedia – sebagai contoh, bahagian "Bantuan" pada pelayar anda boleh memberi panduan lanjut. Oleh kerana kuki kami membolehkan anda mengakses beberapa ciri laman web kami, kami mengesyorkan agar anda

membenarkan penggunaan kuki kami. Jika anda menghentikan kuki, anda mungkin mengalami kekurangan fungsi atau mungkin tidak dapat menggunakan laman ini sepenuhnya.

### **Pautan ke Laman Web Pihak Ketiga**

Laman web kami mungkin, dari semasa ke semasa, mengandungi pautan ke dan/atau daripada laman web dan saluran media sosial rangkaian rakan-rakan kongsi kami, pengiklan-pengiklan dan sekutu-sekutu kami. Jika anda dibawa ke mana-mana pautan laman atau saluran ini, sila ambil maklum bahawa laman tersebut mempunyai dasar privasi mereka tersendiri dan kami tidak akan bertanggungjawab atau menerima liabiliti terhadap dasar tersebut. Sila semak dasar privasi berkenaan sebelum anda menyerahkan sebarang data peribadi kepada laman atau saluran berkenaan.

### **Perubahan kepada Pernyataan Privasi Kami**

Sebarang perubahan yang kami buat terhadap Pernyataan Privasi ini pada masa hadapan akan dipaparkan di halaman ini dan, jika perlu, akan dimaklumkan kepada anda melalui e-mel. Sila semak halaman ini dari semasa ke semasa untuk melihat sebarang kemas kini atau perubahan terhadap Pernyataan Privasi ini.

### **Bahasa**

Selaras dengan kehendak undang-undang perlindungan data dan privasi di Malaysia, Pernyataan Privasi ini akan diterbitkan dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidaksejajaran antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

### **Cara untuk Menghubungi Kami**

Sebarang pertanyaan, komen atau permintaan berkenaan Pernyataan Privasi ini adalah dialu-alukan dan hendaklah dialamatkan kepada:

### **Ketua Pegawai Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Korporat**

Alamat: Etiqa Twins, Tingkat 27, Menara 1, No. 11, Jalan Pinang, Kuala Lumpur City Centre, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

Alamat E-mel: [hr@icep.com.my](mailto:hr@icep.com.my)